



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2025**

**MPP 3**

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

Nama : .....

Kelas : .....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU



Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini  
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

[35 markah]

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata kerja pasif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata kerja pasif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda saham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Kestabilan ekonomi negara merupakan asas penting yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Pada era globalisasi ini, pelbagai cabaran ekonomi telah dihadapi oleh negara kita termasuk inflasi, pengangguran dan ketidakstetuan pasaran dunia. Oleh itu, dasar-dasar ekonomi yang mampan harus dirangka dengan teliti oleh pihak kerajaan. Antara langkah yang telah diambil ialah penstabilan nilai mata wang, pengurangan kadar faedah serta insentif cukai kepada sektor perniagaan. Usaha-usaha ini telah diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan menggalakkan pelaburan asing. Selain itu, bantuan kewangan juga telah disalurkan kepada golongan berpendapatan rendah agar dapat meningkatkan kuasa beli mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kestabilan Ekonomi Negara'  
oleh Nur Sajwa binti Adnan  
*Utusan Malaysia Online*, 30 Mei 2024

[8 markah]

- 2** *Berdasarkan petikan di bawah ini, tukarkan ayat bersusunan songsang yang bergaris kepada ayat bersusunan biasa tanpa mengubah maksud asalnya.*

Kebersihan alam sekitar amat penting dalam kehidupan seharian. Tanpa alam sekitar yang bersih, kesihatan manusia akan terjejas. Di kawasan perumahan sangat menjijikkan keadaan longkang yang tersumbat. Air bertakung, sampah berselerak dan bau busuk menusuk hidung. Pihak berkuasa tempatan sedang berusaha membaiki sistem saliran yang rosak. Telah menaikkan banyak poster tentang kebersihan alam sekitar pihak majlis daerah. Namun begitu, masih ramai penduduk membuang sampah sesuka hati di merata-rata tempat. Oleh itu, tanggungjawab bersama amalan menjaga kebersihan kawasan kediaman. Tanpa kerjasama daripada semua pihak, tidak akan berhasil segala usaha untuk mengekalkan kebersihan alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kebersihan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'  
oleh Naurah binti Adam  
*berian.com.my*, 16 Januari 2023

[6 markah]

- 3 Rencana di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin rencana tersebut.

### SST Baharu: Implikasi Terhadap Kos Sara Hidup dan Ekonomi Negara

oleh : Yaya Widana binti Yahya

Mulai 1 Julai 2025, kerajaan Malaysia akan memulai pelaksanaan semula dan peluasan struktur Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Langkah ini Kementerian Kewangan umumkan sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk meningkatkan hasil cukai domestik tanpa menaikkan kadar cukai langsung seperti cukai pendapatan. Hal ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan negara terhadap hasil berkaitan minyak dan pinjaman luar.

Antara perubahan ketara dalam sistem baharu ini ialah kenaikan kadar cukai jualan daripada 5 peratus kepada 10 peratus atas barang mewah dan tidak perlu, termasuk makanan eksotik seperti ketam raja, keju import, jam tangan mewah dan perabot berjenama. Perubahan ini disasarkan kepada golongan berpendapatan lumayan agar prinsip percukaian progresif dapat diwujudkan. Dalam masa yang sama, cukai perkhidmatan akan diperluas kepada beberapa sektor-sektor yang sebelum ini tidak dikenakan cukai.

Menurut kenyataan resmi, kerajaan menjangkakan langkah ini akan menyumbang sekitar RM5 hingga RM7 bilion pendapatan tambahan pada setiap tahun yang akan digunakan untuk memperkuuhkan perkhidmatan awam serta subsidi bersasar. Namun begitu, pelaksanaan ini turut menimbulkan kebimbangan di kalangan pengguna dan penggiat industri. Golongan pengguna melahirkan kegusaran terhadap kemungkinan peningkatan kos sara hidup, terutamanya menyeimbangkan ang dulunya bebas cukai. Dalam kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), sebanyak 62 peratus responden menyatakan bahawa mereka menjangka kenaikan harga barang dalam tempoh tiga bulan selepas pelaksanaan SST baharu.

Kesimpulannya, kejayaan pelaksanaan semula SST 2025 bergantung kepada keupayaan kerajaan menyeimbangkan keperluan meningkatkan hasil negara dengan kemampuan rakyat menanggung kos hidup. Keterbukaan terhadap maklum balas awam dan fleksibiliti dalam pelaksanaan menjadi kunci utama kepada keberkesanan reformasi fiskal ini dalam jangka panjang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'SST Baharu Tingkatkan Ekonomi'  
*utusan.com.my*

[11 markah]

- 4 Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah maksud dan bentuk asalnya.

Maka titah raja, "Adapun Laksamana itu tiadalah dapat jauh daripada kita. Jikalau Laksamana pergi berkawal, siapa teman kita di istana ini? Yang kita harap hanyalah Laksamana." Maka Laksamana pun berdiam dirinya mendengar titah raja demikian itu.

Hatta beberapa hari maka segala orang kaya-kaya dan saudagar itu pun habis kecurian; syahadan semuanya datang mengadap raja. Maka raja pun tiada terkata-kata lagi.

Dipetik daripada Kepimpinan Melalui Teladan  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

[4 markah]

- 5 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan peribahasa yang terdapat dalam petikan tersebut. Kemudian, berikan peribahasa lain yang sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Melalui aktiviti pelancongan, kita dapat melihat dengan mata sendiri keindahan alam serta kepelbagaiannya budaya masyarakat kerana banyak berjalan, banyak yang dilihat, banyak berlayar banyak yang didengar. Sebagai pelancong, kita hendaklah sentiasa menghormati budaya dan adat resam masyarakat setempat kerana di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kita juga jangan bersikap hidung tinggi di tempat orang. Aktiviti pelancongan memerlukan persiapan dan perancangan yang rapi. Tanpa persediaan yang cukup, percutian kita boleh terganggu disebabkan oleh masalah di luar jangka. Dalam hal ini, kita perlu sediakan pelita sebelum malam dengan menyusun pelan dan membuat kajian tentang destinasi yang ingin dilawati agar kita dapat menikmati percutian dengan lebih tenang.

[6 markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**  
**[35 markah]**

- 6 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Bahan 1**

Perkembangan informasi dan teknologi digital pada hari ini telah menjadi keperluan dalam kehidupan masyarakat terutamanya kepada golongan mahasiswa. Seiring dengan peredaran zaman, banyak teknologi dan aplikasi baharu yang diperkenalkan untuk memudahkan masyarakat, contohnya penggunaan aplikasi media sosial. Aplikasi ini digunakan sebagai medium untuk berkomunikasi, berjual beli, menyebarkan maklumat pendidikan dan mencipta peluang pekerjaan.

Selain itu, satu daripada aplikasi yang paling popular dalam kalangan remaja kini ialah TikTok. Aplikasi TikTok mula diiktiraf oleh kebanyakan pengguna media sosial sebagai sebuah pelantar hiburan yang menayangkan video imaginatif dan menyeronokkan dalam durasi yang pendek. TikTok juga diakui sebagai alat yang boleh meningkatkan intelektual pelajar melalui sokongannya terhadap pendidikan dan penyebaran maklumat. Keupayaan TikTok *menyajikan maklumat* secara ringkas dan padat dalam satu video menyebabkan kaedah ini mudah diingati oleh pelajar dan memberikan faedah kepada pengajar untuk meningkatkan mutu pendidikan. Disebabkan oleh sekatan tempoh masa dalam penghasilan video TikTok, pengguna mesti menyampaikan idea atau maklumat secara ringkas dan berkesan.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
*'TikTok Meningkatkan Kecerdasan Mahasiswa'*,  
 oleh: Itmi'nan Irwan  
*Dewan Masyarakat, DBP*

**Bahan 2**

Dengan kemajuan teknologi dan akses Internet yang semakin meluas, platform seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan TikTok telah mengubah cara kita berinteraksi, berkomunikasi dan mendapatkan maklumat. Salah satu pengaruh positif media sosial ialah kemampuannya untuk menghubungkan orang daripada pelbagai latar belakang dan lokasi. Melalui platform ini, individu dapat berkomunikasi dengan rakan-rakan, keluarga, dan orang asing tanpa batasan geografi. Situasi ini memberi peluang pertukaran idea dan budaya, serta meningkatkan pemahaman antara masyarakat yang berbeza. Selain itu, guru dan pelajar kini dapat menggunakan media sosial untuk berkongsi pengetahuan, maklumat dan sumber pembelajaran yang berguna. Namun begitu, di sebalik manfaat yang dinyatakan, terdapat juga kebimbangan mengenai kesan negatif media sosial. Salah satu isu utama ialah penyebaran maklumat palsu. Dengan mudahnya maklumat boleh disebarluaskan, tidak semua berita yang diterima adalah benar. Hal ini boleh menyebabkan kekeliruan dan panik serta memburukkan keadaan semasa, seperti ketika krisis kesihatan atau politik.

Dipetik dan diubah suai daripada,  
*'Pengaruh Media Sosial dalam Kehidupan Seharian'*  
*BH Online, 29 Oktober 2024*

**Bahan 3**

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *menyajikan maklumat*.  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, apakah kebaikan-kebaikan menggunakan media sosial?  
[4 markah]
- (iii) Pada masa ini, golongan remaja sering ketagih menggunakan media sosial sehingga menjelaskan aktiviti dalam kehidupan mereka.  
Pada pendapat anda, apakah peranan ibu bapa untuk menangani masalah tersebut?  
[3 markah]
- (iv) Adik anda selalu membuat pembelian dalam talian melalui aplikasi jualan yang popular pada masa ini. Namun begitu, semalam adik anda telah menerima barang yang dibeli tetapi barang tersebut tidak seperti yang diiklankan oleh penjual. Adik berasa sangat sedih dan tertekan.  
Sebagai abang yang penyayang, jelaskan tindakan-tindakan anda untuk membantu adik.  
[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Bahan 1**

Bagi Mak Milah, itu bukanlah kali pertama suaminya bercakap mengenai Kesultanan Melayu Melaka yang pernah menjadi kebanggaan orang Melayu itu. Sudah banyak kali diperkatakannya. Suaminya bagaikan sengaja mengulang-ulang cerita itu supaya tidak luput daripada ingatannya. Bukan di rumah sahaja dia bercerita, malah apabila ada kesempatan, dia selalu menceritakannya kepada penduduk kampung itu terutama anak-anak muda.

Menurut Pak Saidi, punca keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka adalah kerana orang Melayu tidak lagi bersatu. Para pemimpin pula berebut kuasa. Fitnah dan adu domba berleluasa. Pahlawan Hang Tuah difitnah. Bendahara Tun Mutahir dihukum bunuh dan akhirnya Sultan Mahmud Shah hilang takhta dan menjadi pelarian. "Sekiranya orang Melayu bersatu, maka tanah air kita ini akan merdeka tetapi jika tidak bersatu, sampai bila-bila pun kita akan dijajah," kata Pak Saidi.

Dipetik daripada  
novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*  
karya Abdul Latif Talib  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 2**

Di kebun, berselerak pokok pisang yang ditanam, berselang-seli dengan ubi kayu dan keledek. Sawah pula, laksana lautan emas kala musim menuai. Kami tetap orang kampung yang dulu, yang hidup atas dua matlamat - rezeki dan ibadat.

Tatkala bom pertama meledak, diikuti oleh rentetan dentuman meriam serta serangan kapal terbang, seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentap pergi dan terlucut begitu saja daripada genggaman. Sebaik-baik sahaja perang pecah pada tahun 1941 dan Jepun masuk, keadaan jadi berkecamuk. Namun, kami bersyukur atas dua perkara. Pertama, kampung kami terpencil, maka jarang-jaranglah dihendap oleh Jepun. Garisan perang pula tidak melintang di atas tanah kami, maka itu, tiada seorang pun antara kami yang pernah diratah atau dirobek peluru. Kedua, kami bersyukur kerana kacau-bilau zaman Jepun menyedarkan kami betapa hinanya hidup dijajah.

Dipetik daripada  
cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'  
karya Zainal Rashid Ahmad Abdullah  
dalam antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**Bahan 3****Syair Anak Merdeka**

Lima puluh tahun negara merdeka  
Masa yang lalu dingat sentiasa  
Susah derita pejuang bangsa  
Menentang penjajah tak kira masa.

Masih kuingat ketika dahulu  
Bendera berkibar di tangan tuanku  
Laungan keramat menusuk kalbu  
Itulah bukti merdeka negaraku.

Tidak terhitung pejuang yang gugur  
Berani mereka di medan tempur  
Rela berkorban bukti nan luhur  
Tersebut namamu terkenal masyhur.

Mereka berjuang kerana bangsa  
Semangat tak luntur jiwa perkasa  
Jasa pejuang dingat sentiasa  
Kita hargai sepanjang masa.

Apa ertinya kita merdeka  
Jika fikiran sentiasa leka  
Lebih sedihnya ada derhaka  
Budaya penjajah itu yang disuka.

Tingkatkan ilmu dan juga agama  
Iman dan amal usahakan bersama  
Merdeka kita lebih bermakna  
Pertahankan ia selama-lama.

**Abdul Halim**  
Perak, Disember 2009

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah faktor-faktor keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka?  
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 2** dan **Bahan 3**, nyatakan kesan-kesan perang.  
[3 markah]
- (iii) Sejak dahulu lagi, peluasan kuasa sering dilakukan oleh negara-negara kuasa besar dunia terhadap negara-negara dunia ketiga.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku?

[3 markah]

- (iv) Anda mendapati ramai murid yang tidak mengenali pahlawan dan pejuang kemerdekaan negara walaupun para pejuang ini telah berjuang mati-matian untuk membebaskan tanah air kita daripada penjajahan.

Sebagai seorang guru Sejarah, bagaimanakah cara-cara untuk mengatasi masalah tersebut?

[4 markah]

**8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.**

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Betul mereka meninggalkan sekolah hingga sanggup tak ambil SPM kerana dorongan wang?"

"Memang ada. Alasannya, orang keluar universiti belum tentu dapat kerja. Jadi, ibu bapa tak galakkan anak mereka bersekolah dan menyuruh mereka bekerja. Dapat RM300.00 hingga RM400.00. Yang perlu kita kupas ialah mereka bukan kerana masalah kemiskinan tetapi kegagalan mereka menghargai kepentingan pendidikan."

"Inilah orang kita, asyik memikirkan kesenangan hari ini hingga lupa memikirkan keturunan akan datang."

Memanglah inilah orang kita, detik hati Dahlia. Dia tidak akan meninggalkan bangku sekolah walaupun miskin, semata-mata untuk meraih pendapatan yang tidak seberapa.

Dipetik daripada novel *Songket Berbenang Emas*,  
oleh Khairuddin Ayip,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berikan faktor-faktor seseorang murid tidak mahu meneruskan persekolahan atau pengajian?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, karya Abdul Latip Talib
- b) *Di Sebalik Dinara*, karya Dayang Nor
- c) *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin
- d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- e) *Songket Bebenang Emas*, karya Khairuddin Ayip
- f) *Tirani*, karya Beb Sabariah
- g) *Bimasakti Menari*, karya Sri Rohayu Mohd Yusop
- h) *Silir Daksina*, karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraiakan peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca.

[6 markah]

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 markah]**

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan bahan.*

**Bahan 1**

Bawang putih ialah sejenis sayuran daripada keluarga bawang yang mempunyai isi berwarna putih yang terbungkus dalam beberapa lapisan kulit nipis yang berwarna keperangan. Penggunaan bawang putih sangat popular dalam kalangan masyarakat di negara kita. Kaedah pengambilan bawang putih yang sering menjadi keutamaan dalam kalangan masyarakat adalah dengan menambahkan bawang putih ke dalam pelbagai hidangan termasuk sup, kari, sos dan masakan tumis. Bawang putih juga boleh dimakan mentah dengan cara memotong atau menghancurkan bawang itu. Kemudian bawang itu ditambahkan ke dalam salad atau bersama-sama hidangan lain. Keterujaan masyarakat makan bawang putih kerana mereka menyedari bahawa bawang putih mengandungi sumber antioksidan yang kuat seperti selenium dan vitamin C yang berfungsi mengurangkan risiko penuaan pramatang. Hasilnya keremajaan rupa dan kulit wajah seseorang dapat dikekalkan.

Hakikat khasiat bawang putih sememangnya tidak boleh dinafikan kerana sejak zaman nenek moyang kita, pengambilan bawang putih sudah menjadi satu kemestian. Hal ini berlaku kerana bawang ini dikatakan mengandungi sebatian sulfur yang dikenali sebagai allicin yang dipercayai dapat membantu merendahkan tekanan darah. Sebatian sulfur tersebut boleh mengurangkan tekanan darah dan kolesterol dalam badan seterusnya mencegah pengumpalan darah yang boleh menyebabkan tekanan darah tiba-tiba naik sehingga terdedah kepada strok. Bawang putih juga dapat meningkatkan sistem imun badan dengan cara bertindak sebagai antiradang dan antioksidan yang kuat serta merangsang pengeluaran sel-sel darah putih yang penting untuk melindungi badan daripada penyakit.

Pengambilan bawang putih secara konsisten juga dapat mengurangkan keradangan dalam badan yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik seperti artritis, diabetes, dan penyakit-penyakit lain. Khasiat bawang putih yang pelbagai ini meningkatkan kecenderungan masyarakat untuk mengambil bawang putih dengan cara mencampurkan bawang putih ke dalam minuman. Mereka menambahkan beberapa ulas bawang putih yang dihiris ke dalam air panas dan membiarkan air itu sejuk seketika sebelum diminum. Walaupun bau bawang putih kurang enak, namun para penggemar teh bawang putih tidak mempedulikan masalah tersebut kerana mereka mementingkan khasiatnya yang amat baik untuk kesihatan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 'Bawang Putih : Antara Tradisi dan Moden',  
 oleh Aina Rifqah Zahin,  
*Jurnal Perubatan*, Mei 2024.

**Bahan 2****BAWANG PUTIH (ALLIUM SATIVUM)**

- Bawang putih dipercayai berasal dari tengah pergunungan Asia.
- Bawang putih mengandungi sebatian prebiotik yang dapat meningkatkan kesihatan pencernaan dengan menyokong pertumbuhan bakteria baik dalam usus.
- Kini, setelah melalui proses modenisasi, bawang putih boleh diambil dalam bentuk suplemen seperti pil, serbuk, atau minyak. Kaedah ini mungkin sesuai bagi mereka yang tidak suka akan rasa atau bau bawang putih. Pengambilan suplemen bawang putih semakin menggalakkan dalam kalangan masyarakat kerana bawang putih dikatakan boleh mengurangkan risiko penyakit jantung.
- Walaupun bawang putih sering digunakan untuk pelbagai tujuan dan dipercayai mempunyai pelbagai khasiat kepada kesihatan, bawang putih juga mempunyai beberapa keburukan.
- Oleh itu, kita hendaklah mengambil bawang putih secara sederhana dan segera berjumpa doktor sekiranya mengalami sebarang kesan sampingan.

**Bahan 3****Syair Bawang Putih**

Bawang putih idaman nusa,  
Di dalam dapur ada sentiasa,  
Menjadi pilihan setiap bangsa,  
Tersimpan rahsia anugerah Esa.

Penghalau bisa dalam tubuh,  
Elok dimakan selepas Subuh,  
Cegah selesema daripada tumbuh,  
Penawar ditemui penyakit sembah.

Darah dibersih racun dibuang,  
Kolesterol jahat pun ditentang,  
Badan sihat kehidupan tenang,  
Dengan izin Tuhan, mudarat terhalang.

Amalan lama bukan rekaan,  
Dibukti sains dan pengalaman,  
Bawang putih bukan sembarang,  
Petua warisan penuh kelebihan.

**Zuraidah M.Adam**  
Kuala Dungun.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

# MPP 3

## SPM 2025

### PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH**

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 6 markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata kerja pasif** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan **kata kerja pasif** tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa **kata kerja pasif** telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah. **Kata kerja pasif** digunakan sebagai kata berimbuhan, kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
8. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
9. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

**Soalan 1 – Morfologi**

Bil.	Kata Kerja Pasif		Contoh Ayat
1	diberikan	-	Rancangan Makanan Tambahan <b>diberikan</b> kepada murid miskin.
2	dihadapi	-	Cabaran yang <b>dihadapi</b> oleh petani pada masa ini ialah perubahan cuaca yang telah menjadkan hasil pertanian.
3	dirangka	-	Strategi pemasaran <b>dirangka</b> untuk meningkatkan jualan produk baharu itu.
4	diambil	-	Tindakan tegas akan <b>diambil</b> terhadap mereka yang telah melanggar peraturan sekolah.
5	diperkenalkan	-	Sistem bayaran tanpa tunai <b>diperkenalkan</b> bagi memudahkan semua urusan pembayaran.
6	disalurkan	-	Bantuan makanan telah <b>disalurkan</b> kepada semua mangsa banjir di kawasan pedalaman.

[Maksimum : 8 Markah]

**Soalan 2 – Sintaksis – Ayat Bersusunan Songsang kepada Ayat Bersusunan Biasa**

**Perhatian bagi Soalan 2**

1. Jawapan mesti berdasarkan ayat yang bergaris dalam petikan soalan.
2. Berikan **2 markah** bagi setiap ayat bersusunan biasa yang betul.
3. Jawapan yang diberikan calon mesti lengkap. Jika calon membuang / menambah / mengubah mana-mana perkataan dalam ayat – berikan **0 markah**.

Bil	Ayat Susunan Songsang kepada Ayat Susunan Biasa	Markah
(i)	- Keadaan longkang yang tersumbat di kawasan perumahan sangat menjijikkan.	2
	- Keadaan longkang yang tersumbat sangat menjijikkan di kawasan perumahan.	2
(ii)	- Pihak majlis daerah telah menaikkan banyak poster tentang kebersihan alam sekitar.	2
(iii)	- Amalan menjaga kebersihan kawasan kediakan tanggungjawab bersama.	2

[Maksimum : 6 Markah]

**Perhatian bagi Soalan 3 – Penyuntingan**

1. Calon mesti menyenaraikan **KESALAHAN** dan **PEMBETULAN**
2. Terima jawapan calon mengikut peruntukan markah sahaja iaitu **[11 markah]** -  
Gariskan jika jawapan lebih daripada peruntukan markah.

**Soalan 3 – Penyuntingan**

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1	memulai	- memulakan
2	Kementerian Kewangan umumkan	- diumumkan [oleh] Kementerian Kewangan
3	menaikan	- menaikkan
4	eskotik	- eksotik
5	lumayan	- tinggi
6	beberapa sektor-sektor	- beberapa sektor / sektor-sektor
7	resmi	- rasmi
8	memperkuuhkan	- memperkuuh
9	di	- dalam
10	menjangka	- menjangkakan
11	kepada	- pada
12	menseimbangkan	- menyeimbangkan
13	maklumbalas	- maklum balas

**[Maksimum: 11 Markah]**

**Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	2
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
- Isi <i>tidak</i> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat	0
- Isi <i>tidak</i> mengikut urutan	0

**Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard**

Raja bertitah, "Laksamana tidak boleh berenggang / jauh daripada kita. Sekiranya Laksamana pergi berkawal / bertugas, siapakah yang akan menemani kita di istana ini? Kita hanya mengharapkan Laksamana." Laksamana hanya berdiam diri apabila mendengar titah raja tersebut.

Setelah beberapa hari, semua orang kaya dan saudagar telah mengalami kecurian; lalu mereka menghadap raja. Raja tidak berkata-kata / terdiam.

[Maksimum : 4 Markah]

**Soalan 5 – Peribahasa**

**Perhatian bagi Soalan 5**

1. Berikan 1 markah bagi setiap peribahasa yang disenaraikan dengan tepat.
2. Berikan 1 markah bagi setiap peribahasa yang sama maksud.
3. Peribahasa yang disenaraikan salah, tetapi peribahasa sama maksud betul - 0 markah.
4. Jawapan selain daripada peribahasa di bawah - TIDAK DITERIMA.

Bil.	Peribahasa dalam Petikan	Markah	Peribahasa Sama Maksud	Markah
1	banyak berjalan, banyak yang dilihat, banyak berlayar banyak yang didengar	1	Jauh perjalanan luas pemandangan	1
2	di mana bumi dipijak di situ langit dijunung	1	Masuk kandang kambing mengembek masuk kandang kerbau menguak	1
3	hidung tinggi	1	Angkuh seperti merak	1
4	sediakan pelita sebelum malam	1	Sediakan payung sebelum hujan	1

[Maksimum: 6 Markah]

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada:Soalan 6 : **13 markah**Soalan 7 : **12 markah**Soalan 8 : **10 markah****Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan pemarkahan soalan pemahaman****1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi tidak cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan	
- Jawapan salah	0

**3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Jawapan salah	0

**Soalan 6**

**Markah**

- (i) **Maksud menyajikan maklumat**  
P1 memberikan / menyediakan informasi  
P2 menyajikan informasi  
P3 memberikan / menyediakan maklumat

2

1

1

[Maksimum : 2 Markah]

- (ii) **Kebaikan-kebaikan**

**Bahan 1**

- P1 untuk berkomunikasi, berjual beli, menyebarkan maklumat pendidikan dan mencipta peluang pekerjaan  
P2 sebagai alat yang boleh meningkatkan intelektual pelajar

**Bahan 2**

- P3 kemampuannya untuk menghubungkan orang daripada pelbagai latar belakang dan lokasi  
P4 untuk berkongsi pengetahuan, maklumat dan sumber pembelajaran yang berguna

**Bahan 3**

- P5 sebagai platform untuk memberikan inspirasi  
P6 menyebarkan berita atau hal kebaikan dan mesej positif

**Nota:** Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- (iii) **Peranan-peranan**

- P1 mengehadkan masa  
P2 menetapkan masa / menyediakan jadual  
P3 menasihati  
P4 memasang aplikasi "family link" / alat pengawal  
P5 mengajak / melibatkan anak-anak dengan aktiviti berfaedah  
P6 menerapkan nilai agama / moral  
P7 mengawasi anak-anak

[Maksimum : 3 Markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) **Tindakan-tindakan**

- P1 menghubungi penjual  
P2 melaporkan kes ini kepada pihak berkuasa  
P3 melaporkan kes ini kepada penyedia platform jualan  
P4 menasihati adik supaya berhati-hati  
P5 memujuk  
P6 membeli barang lain sebagai ganti

[Maksimum : 4 Markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**Soalan 7**

	<b>Markah</b>
(i) <b>Faktor-faktor keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka</b>	
P1 orang Melayu tidak lagi bersatu	1
P2 para pemimpin pula berebut kuasa	1
P3 fitnah dan adu domba berleluasa	1
P4 pahlawan Hang Tuah difitnah	1
P5 Bendahara Tun Mutahir dihukum bunuh	1
P6 Sultan Mahmud Shah hilang takhta dan menjadi pelarian	1
	<b>[Maksimum : 2 Markah]</b>
(ii) <b>Kesan-kesan</b>	
<b>Bahan 2</b>	
P1 seluruh ketenangan hidup warisan moyang-poyang kami terasa tersentap pergi dan terlucut	
P2 keadaan jadi berkecamuk.	
<b>Bahan 3</b>	
P3 Pejuang / pahlawan menderita / menghadapi kesusahan / kesukaran / kesengsaraan [Susah derita pejuang bangsa]	
P4 Ramai pejuang / pahlawan terkorban / mati / meninggal dunia [Tidak terhitung pejuang yang gugur]	
<b>Nota:</b> Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.	
	<b>[Maksimum : 3 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 2 isi]</b>
(iii) <b>Sebab-sebab</b>	
P1 menunjukkan kekuatan / kekuasaan	
P2 menguasai sumber alam /kekayaan hasil bumi / ekonomi	
P3 meluaskan tanah jajahan / politik	
P4 menguji kekuatan senjata / ketenteraan / teknologi	
P5 menyebarkan agama	
P6 persaingan kuasa-kuasa besar yang lain	
	<b>[Maksimum : 3 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 2 isi]</b>
(iv) <b>Cara-cara</b>	
P1 mengadakan pameran tentang pahlawan / pejuang kemerdekaan	
P2 mengadakan tayangan video tentang pahlawan / pejuang kemerdekaan	
P3 menganjurkan pertandingan / kuiz berkaitan pahlawan / pejuang kemerdekaan	
P4 membuat sudut / informasi tentang pahlawan / pejuang kemerdekaan	
P5 mengadakan lawatan ke muzium negara	
P6 menjemput tokoh kemerdekaan	
P7 mengadakan minggu sejarah / bulan kebangsaan / sambutan hari kebangsaan	
P8 mural tokoh	
	<b>[Maksimum : 4 Markah]</b>
	<b>[Isi cukup : 3 isi]</b>

**Soalan 8**

- (i) **Faktor-faktor seseorang murid tidak mahu meneruskan persekolahan atau pengajian.**
- P1 dorongan wang  
P2 orang keluar universiti belum tentu dapat kerja  
P3 ibu bapa tak galakkan anak mereka bersekolah  
P4 menyuruh mereka bekerja  
P5 kegagalan mereka menghargai kepentingan pendidikan  
P6 asyik memikirkan kesenangan hari ini hingga lupa untuk memikirkan keturunan akan datang

[**Isi cukup : 3 isi**  
**[Maksimum: 4 markah]**

**Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8 (ii)**

- (a) Jawapan hendaklah berdasarkan dua buah novel seperti yang dinyatakan pada arahan soalan.  
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.  
(c) Beri 1 markah bagi peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca yang betul.  
(d) Berikan 1 markah bagi setiap **huraian yang betul** bagi peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca.  
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap peristiwa dan huraian).  
(f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara menyeluruh
1. Baik : 2 markah
  2. Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.  
(h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 6 Markah]**

(ii) Peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca

**Novel Pantai Kasih**

1. Peristiwa Doktor Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya yang meninggal dalam kebakaran kereta mewah milik Doktor Sadiz. Doktor Raiha meneruskan kehidupannya sebagai seorang doktor di Pusat Rawatan Pantai Kasih.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana kekuatan seorang wanita yang terpaksa menerima takdir yang malang untuk meneruskan kehidupan.

2. Peristiwa Doktor Raiha meneruskan cita-citanya untuk menjadi seorang doktor pakar bedah walaupun mendapat tentangan hebat daripada ayahnya yang beranggapan bahawa kaum wanita hanya sesuai duduk di dapur.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana usaha yang tidak mengenal putus asa sudah pasti akan membawa hasil yang diinginkan.

3. Peristiwa Felicia Landosi memohon maaf kepada Doktor Raiha atas penglibatannya yang menjadi budak suruhan untuk membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz. Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia dan reda kematian anaknya.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana kesediaan seseorang memberikan kemaafan walaupun tindakan tersebut merupakan satu kesalahan yang besar.

4. Peristiwa Doktor Raiha reda dalam menerima dugaan keruntuhan rumah tangganya yang dijadikan bahan tontonan sewaktu kes perbicaraan tersebut mendapat liputan media.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca supaya sentiasa tabah dalam menghadapi dugaan dalam kehidupan.

**Peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca yang lain boleh diterima sekiranya relevan**

**Novel Bimasakti Menari**

1. Peristiwa Tan Sri Muhammin membantu Muhammad Taufik menyelesaikan masalah kekurangan populasi kelip-kelip di Kuala Selangor. Tan Sri Muhammin telah membeli tanah yang menyusuri tepi anak sungai di Kampung Kuantan terus ke Kampung Api-api seluas 50 hektar. Muhammad Taufik telah memagar anak sungai supaya kelip-kelip mempunyai tempat untuk bersembunyi.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca agar menjaga alam sekitar kerana Muhammad taufik begitu memelihara populasi kelip-kelip supaya tidak pupus.

2. Peristiwa Nurul Hafsa berusaha untuk menjadikan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap untuk mengembalikan populasi kelip-kelip.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca agar menjaga kelestarian alam sekitar demi kesejahteraan hidup.

3. Peristiwa ibu bapa Muhammad Taufik yang bimbang apabila Muhammad Taufik dimasukkan ke wad hospital setelah dicederakan oleh tiga individu yang tidak dikenali. Bapa Muhammad Taufik risau dan berdoa agar anaknya berada dalam keadaan selamat manakala ibunya, Puan Maryam yang menggesa Muhammad Taufik untuk tinggal bersama-sama di Otago kerana bimbang keselamatan anaknya.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana kasih sayang yang tidak terhingga antara ibu bapa dan anaknya meskipun telah berlaku penceraian antara ibu bapa tersebut.

4. Peristiwa Muhammad Taufik sanggup mempertaruhkan dirinya demi menyelamatkan Nurul Hafsa yang diculik oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid.

**Huraian:** Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana pengorbanan seorang sahabat yang sanggup mempertaruhkan nyawanya sendiri demi menyelamatkan orang lain.

***Peristiwa yang memberikan keinsafan kepada pembaca yang lain boleh diterima sekiranya relevan***

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 markah]**

**Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- (a) Isi      –      **20 markah**  
(b) Bahasa    –      **10 markah**

**(a) Isi [20 markah]**

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
  - nama khas / peribahasa
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik</li> <li>• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Baik	5 – 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan ayat baik</li> <li>• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Sederhana	3 – 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik</li> <li>• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Lemah	1 – 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li> </ul>

**Nota:**

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

**Pendahuluan [2 markah]**

**Markah**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| P1 | ... membincangkan <b>khasiat-khasiat / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah / kepentingan-kepentingan</b> bawang putih dan <b>cara-cara / kaedah-kaedah / langkah-langkah</b> mengambil / pengambilan / penggunaan bawang putih. | 2 |
| P2 | ... membincangkan <b>khasiat-khasiat / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah / kepentingan-kepentingan</b> bawang putih.  | 1 |
| P3 | ... membincangkan <b>cara-cara / kaedah-kaedah / langkah-langkah</b> mengambil / pengambilan / penggunaan bawang putih.   | 1 |

**Isi [16 markah]**

**FOKUS 1 : khasiat-khasiat / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / faedah-faedah / kepentingan-kepentingan**

**Bahan 1**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| A1 | mengurangkan risiko penuaan pramatang       | 2 |
| A2 | [dapat] membantu merendahkan tekanan darah  | 2 |
| A3 | [dapat] meningkatkan sistem imun badan      | 2 |
| A4 | [dapat] mengurangkan keradangan dalam badan | 2 |

**Bahan 2**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| B1 | [dapat] meningkatkan kesihatan pencernaan    | 2 |
| B2 | [boleh] mengurangkan risiko penyakit jantung | 2 |

**Bahan 3**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| C1 | menangani / mengatasi masalah / mencegah selesema [Cegah selesema daripada tumbuh] | 2 |
| C2 | menentang / menghalang kolesterol jahat [Kolesterol jahat pun ditentang]           | 2 |

**FOKUS 2 : cara-cara / kaedah-kaedah / langkah-langkah**

**Bahan 1**

- |    |   |   |
|----|---|---|
| D1 | menambahkan bawang putih ke dalam pelbagai hidangan | 2 |
| D2 | [boleh] dimakan mentah                              | 2 |
| D3 | mencampurkan bawang putih ke dalam minuman          | 2 |

**Bahan 2**

- |    |                       |   |
|----|-----------------------|---|
| E1 | dalam bentuk suplemen | 2 |
|----|-----------------------|---|

**Kesimpulan [2 markah]**

- K1 Kesimpulannya, **bawang putih** perlu dimakan / diambil agar kesihatan diri terpelihara / terjamin. 2
- K2 Kesimpulannya, **bawang putih** perlu dimakan / diambil. 1

**CARA PENULISAN MARKAH**

<b>P</b>	
<b>A</b>	
<b>B</b>	
<b>C</b>	
<b>D</b>	
<b>E</b>	
<b>K</b>	
<b>I</b>	
<b>B</b>	
<b>J</b>	

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**